

BULETIN

JAN - DIS 2016 | VOL 14

BPTK@KKM



**BENGKEL MODUL
PENINGKATAN
KOMPETENSI SIDDHA**



**LOKAKARYA PEMBANGUNAN
GARIS PANDUAN
TERAPI VARMAM**

JAN - DIS 2016 | VOL 14



BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

Blok E, Jalan Cenderasari, 50590 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel : 03-2698 5077 Faks : 03-2691 1259

Laman Web: <http://tcm.moh.gov.my> E-mel : tcm@moh.gov.my

PENASIHAT

Dr. Goh Cheng Soon

KETUA EDITOR

Dinish Perumal

EDITOR

Dr. Ariyani Amin

Dr. Tajul Iqmal

Lim Wai Yee

Dr. Wong Pi Ying

Anipah bt. Hj. Asikin

PENULIS

E Mei Hooi

Dr. Mohd Naufal bin Ridzuan

Aziman bin Abd. Rahman

Dr. Ali Noor bin Hassan

Dr. Farhana binti Abdul Aziz

Dr. Sharifah Firyelhana

Dr. Muhammad Zuabair

Ho Ching Ching

Dr. Abdul Manaf Ali

Ng Angeline

Dr. Mohamad Yusfadzry bin Yusuf

Khor Yong Xin

Akmal Hafdzam bin Mohd Radzi

Penerbitan :

Jawatankuasa Penerbit Buletin BPTK 2016

Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari

HUBUNGI KAMI

BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI, KKM

Blok E, Jalan Cenderasari,

50590 Kuala Lumpur Malaysia

Tel : 03-2698 5077, Faks : 03-2691 1259

Laman web : <http://tcm.moh.gov.my>Blog : <http://tcm.moh.gov.my/blog>Emel : tcm@moh.gov.my**Penafian :**

Buletin BPTK@KKM adalah surat berita setahun sekali yang diterbitkan oleh pihak BPTK. Segala usaha telah diambil untuk memastikan ketepatan maklumat yang

KANDUNGAN BULETIN BPTK BIL 14

INFORMASI BPTK	m/s
LAWATAN KERJA OLEH DR. P. GUNASEKARAN, PENGARAH KING INSTITUTE OF PREVENTIVE MEDICINE AND RESEARCH, CHENNAI, INDIA.	1
BENGKEL MODUL PENINGKATAN KOMPETENSI SIDDHA	1
LOKAKARYA PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN TERAPI VARMAM	2
BENGKEL PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	3
BENGKEL GARIS PANDUAN PENGIKLANAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI	3
LAWATAN KERJA OLEH DELEGASI KEMENTERIAN KESIHATAN AWAM, THAILAND	4
TRADISI PENJAGAAN IBU SELEPAS BERSALIN DI NEGERI CIK SITI WAN KEMBANG	5

TINJAUAN KESIHATAN DAN MORBITI KEBANGSAAN 2015	6
MESYUARAT SECOND BILATERAL TECHNICAL MEETING ON COOPERATION IN TRADITIONAL MEDICINE BETWEEN THE GOVERNMENT OF MALAYSIA AND THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA	8
MESYUARAT SECOND BILATERAL TECHNICAL MEETING ON COOPERATION IN TRADITIONAL MEDICINE BETWEEN THE GOVERNMENT OF MALAYSIA AND THE PEOPLE'S REPUBLIC OF INDIA	8
AKTIVITI-AKTIVITI BPTK	
JAWATANKUASA EKSA 2016	10
SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) BPTK	10
LAPORAN BIRO KEBAJIKAN DAN SOSIAL BPTK 2016	11
AKTIVITI JAWATANKUASA KUMPULAN KREATIVITI & INOVASI (JKKIK)	12
SWEAT WEDNESDAY	13
HARI SARINGAN KESIHATAN JALAN CENDERASARI	13
AKTIVITI-AKTIVITI PEJABAT CAWANGAN	
PEMANTAUAN PREMIS DAN PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI DI SABAH	15
PROMOSI CPTK BERORIENTASIKAN PENGGUNA DI SABAH	16
CERAMAH DAN PAMERAN PT&K DI PUSAT GIATMARA SANTUBONG	18
CERAMAH, PAMERAN PT&K DAN SESI DEMONSTRASI URUT & AKUPUNTUR – TABUNG BAITULMAL MAJLIS ISLAM SARAWAK	18
PAMERAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLIMENTARI BERSEMPENA MINGGU INOVASI PERINGKAT NEGERI SARAWAK 2016	19
KURSUS KAWALAN INFEKSI ZON SELATAN	20
KURSUS RESCUE DAN JATI DIRI CPTK ZON SELATAN	21
PEMANTAUAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN UNIT PERUBATAN TRADISIONAL & KOMPLEMENTARI (PT&K), HOSPITAL KEPALA BATAS (HKB)	21

LAWATAN KERJA OLEH DR. P. GUNASEKARAN, PENGARAH KING INSTITUTE OF PREVENTIVE MEDICINE AND RESEARCH, CHENNAI, INDIA.

Disediakan oleh: Cawangan Dasar dan Perkembangan

Tarikh : 26 April 2016

Masa : 2.30 petang

Lokasi : Bilik Mesyuarat Utama, BPTK

Susulan daripada penyampaian ceramah beliau di *Asia Dengue Conference 2016* yang berlangsung dari 23-24 April 2016 di JW Marriot Kuala Lumpur, Dr. P. Gunasekaran telah menyampaikan satu sesi *Continuous Professional Development (CPD)* yang bertajuk "*Nilavembu Kudineer - A Siddha Formulation in the Treatment of Dengue*" atas jemputan BPTK. Sesi ceramah tersebut telah memanfaatkan warga BPTK yang hadir dan menambah ilmu pengetahuan berkenaan kegunaan dan potensi perubatan Siddha dalam rawatan penyakit demam denggi.



Perbincangan menarik antara pegawai BPTK dan Dr. P. Gunasekaran

Gambar secara berkumpulan dengan Dr. P. Gunasekaran

BENGKEL MODUL PENINGKATAN KOMPETENSI SIDDHA

Disediakan oleh: E Mei Hooi

Tarikh : 23 Mei 2016 & 26 Mei 2016

Masa : 8.30 pagi – 4.30 petang

Lokasi : Bilik Mesyuarat 1 & 2, BPTK

Modul peningkatan kompetensi adalah dicadangkan sebagai satu mekanisme pendaftaran untuk pengamal tradisional sedia ada yang mempunyai pengalaman kerja tertentu tetapi tiada pendidikan formal dengan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) dalam tempoh peralihan. Ia tidak bertujuan untuk menaiktarafkan atau menyamakan pengamal kepada mana-mana tahap pendidikan di Malaysia. Modul peningkatan kompetensi bagi bidang perubatan tradisional yang berbeza telah/ sedang dibangunkan. Salah satunya ialah modul peningkatan kompetensi Siddha yang dibangunkan oleh Dr. P. Sathya Rajeswaran dari *Central Council for Research in Siddha (CCRS)*, India.

Bengkel bagi modul peningkatan kompetensi Siddha ini telah diadakan bagi tujuan (1) berbincang dan menambah baik modul peningkatan kompetensi Siddha serta (2) mendapatkan pandangan dan input daripada wakil pengamal perubatan tradisional India (PTI) tempatan dan wakil badan pengamal iaitu Pertubuhan Perubatan Tradisional India Malaysia (PEPTIM).

Pakar PTI yang telah dijemput ke bengkel adalah Prof. Dr. R. S. Ramaswamy (Ketua Pengarah CCRS), Dr. P. Sathya Rajeswaran (Penolong Pengarah CCRS) dan Dr. Gopesh Mangal (pakar deputasi dari negara India). Puan Norhaslin Abd Halim dari Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa turut menyertai bengkel ini sebagai pemerhati. Wakil pengamal PTI tempatan dalam perubatan Siddha dan wakil badan pengamal PEPTIM telah memberi pandangan yang bernas dalam memastikan modul ini bersesuaian dengan konteks Malaysia.

Kesimpulannya, semua pihak berkepentingan telah secara umumnya bersetuju dengan isi kandungan modul yang telah dibangunkan. Modul ini akan dipanjangkan kepada Majlis PT&K untuk persetujuan.



Gambar kumpulan yang diambil pada 26 Mei 2016

LOKAKARYA PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN TERAPI VARMAM

Disediakan oleh: Dr. Mohd Naufal bin Ridzuan

Tarikh : 24-25 Mei 2016

Masa : 8.30 pagi-4.30 petang

Lokasi : Bilik Mesyuarat 1, BPTK

Lokakarya ini bertindak sebagai wadah perbincangan dalam membangunkan Garis Panduan Terapi Varmam. Garis panduan ini berfungsi sebagai rujukan dan panduan kepada anggota di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia khususnya Hospital Sungai Buloh (HSB) di mana terapi ini akan dilaksanakan.

Beberapa ahli panel telah dijemput khusus untuk memberikan idea dan pandangan mereka terhadap garis panduan yang akan dibangunkan ini. Aktiviti disertai oleh anggota BPTK dari Cawangan Amalan dan Pendaftaran, anggota dari Cawangan Dasar dan Perkembangan serta empat orang wakil dari Persatuan Perubatan Tradisional India Malaysia (PEPTIM).

Antara aktiviti yang dijalankan semasa lokakarya adalah (i) sesi ceramah pengenalan terapi Varmam oleh Prof. Dr. R.S. Ramaswamy dari *Central Council of Research in Siddha*, India (ii) pembentangan kertas kerja kajian berjudul '*A Pilot Study on Varmam Therapy*' oleh Dr. Akmal Hafizah binti Zamli yang akan dilaksanakan di Hospital Sungai Buloh, (iii) demonstrasi terapi Varman kepada peserta oleh Prof. Dr. R.S. Ramaswamy dan (iv) sesi perbincangan.

Lokakarya ini berjaya dan berjalan dengan amat lancar. Pandangan dan cadangan yang diberikan oleh pakar-pakar dalam bidang masing-masing amat membantu dan akan digunakan oleh Cawangan Amalan dan Pendaftaran dalam membangunkan Garis Panduan Terapi Varmam.

PENCERAMAH /PANEL YANG DIJEMPUT	
Wakil dari India	Wakil dari Malaysia
Prof. Dr. R.S. Ramaswamy Ketua Pengarah Central Council of Research in Siddha, India	Dato' Dr. Zamyn Zuki bin Mohd Zuki Ketua Jabatan Jabatan Ortopedik & Traumatologi, HSB
Dr Sathiyarajeswaran Pegawai Penyelidikan Central Council of Research in Siddha, India	Dr Syed Azmi Shah bin Dato' Ahmad Shah Pakar Bedah Ortopedik Jabatan Ortopedik & Traumatologi, HSB
Dr Gopesh Mangal Pengamal Ayurveda Hospital Port Dickson / Hosp. Rehabilitasi Cheras	Dr Akmal Hafizah binti Zamli Ketua Jabatan Jabatan Perubatan Rehabilitasi, HSB



Prof Ramaswamy menunjukkan demonstrasi titik-titik Varman kepada peserta lokakarya.



Ahli Panel bergambar bersama

BENGKEL PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Disediakan Oleh: Aziman Bin Abd. Rahman

Tarikh : 10 Ogos 2016

Masa : 8.30 pagi - 4.30 petang

Lokasi : Bilik Mesyuarat 1, BPTK

Pengurusan sumber manusia (PSM) memainkan peranan yang amat penting, ianya merupakan tanda aras dalam mencapai tujuan dan matlamat di dalam sesebuah organisasi. Setiap *PSM* yang strategik dan tersusun perancangannya akan menghasilkan atau membentuk individu yang berkualiti, organisasi yang produktif dan kondusif seterusnya meminimumkan masalah yang berkaitan dengan sumber manusia.

Oleh itu, perancangan dan cara pelaksanaan matlamat untuk mencapai objektif dalam pengurusan sumber manusia hendaklah seiring dengan Pekeliling Pentadbiran Awam (PKPA), Arahan Pebendaharaan (AP) serta panduan yang boleh digunapakai dewasa ini. Setiap penjawat awam harus berdaya saing sesama sendiri demi mencapai matlamat pengurusan sumber manusia yang telah disarankan dalam setiap organisasi dan juga setiap pekerja perlu memahami apa yang dimaksudkan dengan pengurusan sumber manusia itu sendiri.

Sempena bengkel *PSM* yang telah diadakan, pada 10 Ogos 2016 yang lepas, beberapa tajuk yang menarik telah ditekankan secara langsung dan bersemuka kepada semua anggota BPTK seperti:

- I. Prinsip dan dasar pengurusan cuti.
- II. Urusan pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpecen Mengendalikan Tindakan Disiplin dan Tatatertib.
- III. Simulasi pengiraan kenaikan pangkat, prestasi, pemangkuan dan tanggung kerja, serta beberapa perkara yang berkaitan dengan modal insan yang telah disampaikan dengan penuh keilmuan.

Bengkel *PSM* ini juga telah dikendalikan oleh penceramah yang bertaauliah dalam bidang ini, iaitu En. Kamarudin Bin Abdullah dan En. Kamaruddin Bin Mohamed Ali, daripada Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM, manakala bilangan peserta adalah seramai 30 orang yang terdiri dari pelbagai gred dan jawatan.

Hasil kesimpulan dari bengkel tersebut didapati intipati keseluruhan bengkel ini tercapai dan berjaya dilaksanakan. Sesi soal jawab antara peserta dan penceramah berlangsung dalam suasana yang interaktif dan positif. Maklumbalas peserta didapati lebih daripada 80%. Kesemua peserta mendapat faedah dan manfaat daripada bengkel ini dan segala ilmu serta panduan yang di tunjuk ajar akan diadaptasi dalam melakukan kerja hakiki seharian di pejabat. Diharapkan pada masa akan datang, pihak penganjur boleh merancang bengkel seperti ini demi proses pembelajaran yang lebih efektif dan berkualiti untuk bahagian ini amnya

BENGKEL GARIS PANDUAN PENGIKLANAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

Disediakan oleh: Dr Ali Noor bin Hassan

Tarikh : 25 Ogos 2016

Masa : 8.00 pagi - 4.30 petang

Lokasi : Pejabat RISDA Negeri, Shah Alam, Selangor

Objektif bengkel ialah memperkenalkan draf Garis Panduan Pengiklanan Perubatan Tradisional dan Komplementari kepada pengamal dan seterusnya mendapatkan pandangan dan maklum balas yang ber tujuan untuk mengemaskinikan garis panduan ini yang akan digunapakai dalam pengiklanan di dalam media massa termasuklah penggunaan pada kad nama dan papan tanda. Bengkel ini juga turut membincangkan dan membentangkan senarai nama gelaran dan singkatan yang dilarang (*prohibited list*) untuk digazetkan seperti mana yang dikehendaki oleh Seksyen 29(3) Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016.

Bengkel ini telah dihadiri oleh 16 orang wakil dari Badan Pengamal dan 23 orang pegawai dari Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK) dan Cawangan Perubatan Tradisional dan Komplementari (CPTK) negeri.

2 orang penceramah dari agensi luar telah dijemput untuk sesi perkongsian ilmu iaitu Puan Maizan bin Yusof dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Puan Vinayagi Gopal Krishna dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Puan Maizan telah memberikan input yang penting tentang nama-nama yang dibenarkan dan yang tidak dibenarkan serta maklumat tentang peranan SSM. Puan Vinayagi pula telah memberikan maklumat tentang pengawalseliaan kenyataan di dalam media social.

Pegawai dari Cawangan Inspektorat dan Penguatkuasaan (I&P), Dr Ali Noor Hassan telah memimpin pembentangan draf Garis Panduan dan selepas itu disusuli dengan perbincangan oleh 4 kumpulan yang setiap satunya diwakili oleh wakil-wakil dari badan pengamal, pegawai BPTK dan CPTK.

Satu ceramah juga telah diberikan oleh Ketua Cawangan I&P, Encik Tan Kee Leong mengenai Garis Panduan Siasatan dan Pendakwaan Kesalahan di bawah Seksyen 4A Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 yang akan digunakan oleh pegawai BPTK dan CPTK semasa proses pendakwaan dan penyiasatan nanti. (Ceramah ini dikhaskan untuk pegawai sahaja)

Hasil daripada perbincangan di dalam bengkel ini adalah draf Garis Panduan Pengiklanan yang bakal digunakan sebagai panduan untuk pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari serta satu senarai penggunaan nama dan gelaran yang menepati kehendak perundangan semasa.



Ceramah sedang dijalankan



Sesi perbincangan sedang diadakan

LAWATAN KERJA OLEH DELEGASI KEMENTERIAN KESIHATAN AWAM, THAILAND

Disediakan oleh: Cawangan Dasar dan Perkembangan

Tarikh : 19 September 2016

Masa : 10.00 pagi – 1.00 petang

Lokasi : Bilik Mesyuarat Utama, BPTK

Pada 19 September 2016, BPTK telah menerima delegasi seramai 14 orang dari *Department of Thai Traditional and Alternative Medicines*, Kementerian Kesihatan Awam Thailand yang diketuai oleh Dr. Anchalee Chuttaputti, Pengarah, *Office of International Cooperation*.

Tujuan lawatan delegasi adalah untuk mengetahui status perkembangan PT&K di negara Malaysia. Para delegasi turut melawati Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC), Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan Taman Penanaman Herba Pasir Raja, Terengganu untuk memahami dasar, strategi dan aktiviti ekonomi yang dilaksanakan di bawah NKEA (Bidang Ekonomi Utama Negara) Pertanian EPP (Projek Penggerak Ekonomi) 1: Produk herba bernilai tinggi memandangkan negara Thailand telah memulakan usaha untuk memperkasakan kualiti produk herbanya dan meningkatkan pemasaran ke pasaran eksport global.



Gambar secara berkumpulan bersama delegasi
Kementerian Kesihatan Awam Thailand

TRADISI PENJAGAAN IBU SELEPAS BERSALIN DI NEGERI CIK SITI WAN KEMBANG

Disediakan oleh: Dr. Farhana Binti Abdul Aziz

Lokasi: 10 daerah di Negeri Kelantan Darul Naim

Berpantang bagi seorang ibu selepas bersalin merupakan suatu adat dan amalan yang telah sekian lama wujud. Amalan tersebut merupakan salah satu bidang penjagaan kesihatan wanita dalam Perubatan Tradisional Melayu.

Kaedah berpantang adalah unik dan berbeza-beza di setiap negeri di Malaysia. Satu inisiatif kajian bersama Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan telah dirancang untuk mengkaji ciri amalan Perubatan Tradisional Melayu selepas bersalin di kalangan pengamal di negeri Kelantan. Tujuan '**Kajian Keratan Rentas Eksploratori untuk Mengkaji Amalan Tradisional Melayu bagi Penjagaan Ibu-ibu Selepas Bersalin di Negeri Kelantan**' dilaksanakan adalah untuk mengetahui dengan lebih mendalam amalan dan prosedur dalam penjagaan selepas bersalin, serta mengenal pasti petua dan pantang larang.




Dr. Ariyani Amin, salah seorang penyelidik bersama pembantu penyelidik di hadapan rumah pengamal Perubatan Tradisional Melayu selepas bersalin di daerah Bachok.

Kajian ini telah dijalankan di 10 daerah iaitu Tumpat, Kota Bharu, Pasir Mas, Kuala Krai, Bachok, Tanah Merah, Pasir Putih, Machang, Jeli, dan Gua Musang. Seramai 44 orang pengamal Perubatan Tradisional Melayu bagi amalan penjagaan ibu-ibu selepas bersalin yang mempunyai pengalaman lebih dari 10 tahun dalam bidang tersebut terlibat dalam kaji selidik ini. Temuramah bersama pengamal-pengamal dilakukan dengan berpanduan kepada beberapa tema yang lazim diamalkan dalam penjagaan ibu-ibu selepas bersalin.

Penjagaan ibu-ibu selepas bersalin di Negeri Kelantan mempunyai keunikan tersendiri. Penjagaan bermula dengan urutan Melayu; bertungku; mandi teresak (mandi air rebusan daun); memakai barut; petua dan pantang dalam penjagaan diri dan pemakanan; penjagaan bayi; serta upacara pelepas yang masih diamalkan.

Jalinan kerjasama di antara Kementerian Kesihatan Malaysia dan pengamal diharap dapat memastikan perkhidmatan pengamal yang berkualiti dan selamat kepada rakyat, seterusnya meningkatkan penjagaan kesihatan. Ilmu dan pengetahuan yang diwarisi ini semoga dapat dipelihara agar tidak hilang ditelan zaman.



Beberapa bahan yang digunakan untuk amalan Tradisional Melayu bagi Penjagaan Ibu-ibu Selepas Bersalin di Kelantan

TINJAUAN KESIHATAN DAN MORBITI KEBANGSAAN 2015

Disediakan oleh: Dr. Farhana Binti Abdul Aziz


Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2015 telah dilaksana dan diketuai oleh Institut Kesihatan Umum. Satu tinjauan berkaitan Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) turut dijalankan sebagai salah satu modul.

Modul PT&K meneliti kepada empat objektif utama iaitu:


1. Untuk mengkaji prevalens penggunaan amalan PT&K oleh rakyat Malaysia secara konsultasi;
2. Untuk menerangkan sebab-sebab penggunaan amalan PT&K;
3. Untuk menentukan tempat di mana perkhidmatan PT&K diperolehi; dan
4. Untuk menentukan jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan dan jumlah yang sanggup dibayar untuk perkhidmatan PT&K yang diterima.

Hasil dapatan adalah:


1. 29.25% daripada populasi pernah mendapatkan perkhidmatan konsultasi PT&K sekurang-kurangnya sekali seumur hidup.
2. 21.51% daripada populasi pernah mendapatkan perkhidmatan konsultasi PT&K dalam durasi 12 bulan terakhir.
3. Perempuan (23.89%) menunjukkan penggunaan perkhidmatan PT&K yang lebih tinggi berbanding dengan lelaki (19.33%).
4. Penggunaan perkhidmatan PT&K lebih tinggi di kalangan populasi penduduk bandar (22.64%) berbanding dengan populasi penduduk luar bandar (18.23%).




Penggunaan PT&K oleh rakyat Malaysia mengikut bidang amalan secara konsultasi.



Penggunaan PT&K oleh rakyat Malaysia mengikut sub bidang amalan secara konsultasi.



Sebab-sebab utama penggunaan amalan PT&K secara konsultasi.



Dua puluh masalah kesihatan utama yang menjadi penyebab pesakit mendapatkan perkhidmatan PT&K secara konsultasi

Kesimpulan:

1. Perubatan Tradisional dan Komplementari merupakan salah satu aspek penting dalam penjagaan kesihatan rakyat Malaysia.
2. Masih terdapat keperluan untuk terus menawarkan perkhidmatan PT&K sebagai salah satu rawatan komplementari kepada perubatan moden.
3. Perkhidmatan PT&K diperolehi dari pelbagai jenis fasiliti, dan ini bergantung kepada jenis amalan yang ditawarkan.
4. Kos perkhidmatan bagi kebanyakan amalan PT&K adalah pada kadar harga yang mampu dibayar.

Sila layari laman sesawang di link berikut untuk membaca laporan penuh.

<http://www.iku.gov.my/images/IKU/Document/REPORT/NHMS2015-VolumeIV.pdf>

MESYUARAT SECOND BILATERAL TECHNICAL MEETING ON COOPERATION IN TRADITIONAL MEDICINE BETWEEN THE GOVERNMENT OF MALAYSIA AND THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA

Disediakan oleh: Ng Angeline

Tarikh : 10 November 2016
Masa : 11.30 pagi
Lokasi : Bilik Mesyuarat Majlis Perubatan Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia
Block C, Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur

Mesyuarat *Second Bilateral Technical Meeting on Cooperation in Traditional Medicine between the Government of Malaysia and the People's Republic of China (PRC)* telah berjaya diadakan pada 10 November 2016 di Kuala Lumpur. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia yang juga merupakan Ketua Delegasi Kerajaan Malaysia. Delegasi Kerajaan China adalah seramai lima (5) orang dan telah diketuai oleh Encik Yan Shujiang, *Vice Commissioner, State Administration of Traditional Chinese Medicine (SATCM)*.

Aktiviti perancangan yang telah dibincangkan dalam mesyuarat teknikal tersebut meliputi aspek kerjasama dalam bidang amalan perubatan tradisional Cina iaitu dari segi praktis, latihan dan pendidikan, kajian dan penyelidikan serta pengawalseliaan ubat-ubatan herba/ tradisional. Mesyuarat ini merupakan salah satu inisiatif dan kejayaan KKM dalam mengeratkan hubungan kerjasama dengan kerajaan China demi perkembangan perubatan tradisional Cina di Malaysia.



Delegasi Kerajaan China dengan YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia serta delegasi Kerajaan Malaysia



Sesi penyampaian hadiah antara Ketua Delegasi Kerajaan Malaysia dan China

MESYUARAT SECOND BILATERAL TECHNICAL MEETING ON COOPERATION IN TRADITIONAL MEDICINE BETWEEN THE GOVERNMENT OF MALAYSIA AND THE PEOPLE'S REPUBLIC OF INDIA

Disediakan oleh: Ng Angeline

Tarikh : 27 Disember 2016
Masa : 10.00 pagi
Lokasi : Bilik Mesyuarat Majlis Perubatan Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia
Block C, Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur

Pada 27 Disember 2016, mesyuarat *Fourth Bilateral Technical Meeting on Cooperation in the Field of Traditional Systems of Medicine between the Government of Malaysia and the Republic of India* telah berjaya diadakan di Kuala Lumpur di mana YBhg. Datuk Dr. Jeyandran Tan Sri Sinnadurai, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) telah mempengerusikan mesyuarat tersebut. Mesyuarat ini dihadiri oleh delegasi Kerajaan India seramai lima (5) orang yang diketuai oleh Encik Anil Ganeriwala, *Joint Secretary, Ministry of Ayurveda, Yoga and Naturopathy, Unani, Siddha and Homeopathy (AYUSH)*.

Antara aktiviti perancangan yang dibincangkan semasa mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Deputasi pengamal Siddha dari Kerajaan India ke Hospital Sungai Buloh untuk melaksanakan projek perintis penggunaan terapi Varmam sebagai rawatan komplementari kepada pesakit ortopedik
2. Deputasi pengamal Ayurveda baru serta pelanjutan perkhidmatan bagi ahli terapi Ayurveda yang kini berkhidmat di Hospital Rehabilitasi Cheras dan Hospital Port Dickson
3. Keperluan latihan bagi warga KKM dalam bidang *healthcare management* atau *governance of traditional systems of medicine* di India
4. Penyebaran maklumat berkenaan skim biasiswa AYUSH bagi warganegara Malaysia
5. Bekerjasama dalam penyelidikan yang menggunakan komponen perubatan tradisional atau tumbuhan herba yang mempunyai potensi tinggi dalam mencegah atau merawat penyakit jangkitan denggi dan leukoderma

Mesyuarat tersebut diikuti dengan majlis pelancaran *Traditional and Complementary Medicine Guideline on Varmam Therapy* yang merupakan hasil kolaborasi BPTK bersama *Central Council for Research in Siddha (CCRS)*, *Ministry of AYUSH*. Garis panduan ini akan digunakan sebagai dokumen rujukan kepada pengamal Siddha yang akan menawarkan perkhidmatan terapi Varmam di Hospital Sungai Buloh. Ketua Pengarah CCRS iaitu Prof. R.S. Ramaswamy yang juga merupakan ahli delegasi Kerajaan India telah melaksanakan sesi demonstrasi terapi Varmam dengan jayanya sebelum sesi pelancaran garis panduan tersebut.



Sesi gambar delegasi yang menghadiri mesyuarat *Fourth Bilateral Technical Meeting on Cooperation in the Field of Traditional Systems of Medicine between the Government of Malaysia and the Republic of India*



Sesi demonstrasi oleh Prof. R.S. Ramaswamy



Majlis pelancaran *Traditional and Complementary Medicine Guideline on Varmam Therapy* telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Jeyandran Tan Sri Sinnadurai (Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan [Perubatan]), Yang Berhormat Shri T.S. Tirumurti (Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia), Encik Anil Ganeriwala (*Joint Secretary, Ministry of AYUSH*), Dr. Goh Cheng Soon (Pengarah BPTK), Dato' Dr. Zamyn Zuki (Pakar Ortopedik, Hospital Sungai Buloh) dan Dr. Akmal Hafizah Zamli (Ketua Jabatan Perubatan Rehabilitasi, Hospital Sungai Buloh) bersama delegasi Kerajaan Malaysia dan India

JAWATANKUASA EKSA 2016

Disediakan oleh: Dr. Sharifah Firyelhana binti Syed Abdul Rahman (Penyelaras EKSA)

Jawatankuasa EKSA Zon BPTK telah menerima perantikan ahli baru berkuatkuasa pada 18 Januari 2016.

JK Latihan

Taklimat Pemantapan Pelaksanaan EKSA di tempat kerja peringkat IPKKM telah dijalankan secara bersiri untuk memberi pendedahan berkenaan EKSA kepada kakitangan BPTK yang baru berpindah masuk. Satu lawatan Penanda Aras Amalan EKSA IPKKM ke Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pendidikan Malaysia telah diadakan oleh pihak IPKKM pada 3 Ogos 2016.

JK Promosi

Aktiviti promosi amalan EKSA di BPTK dijalankan secara berkala berpandukan tarikh aktiviti audit yang dijalankan. Selain itu, terdapat juga aktiviti promosi secara mingguan untuk memberi peringatan kepada warga BPTK supaya amalan EKSA di amalkan setiap masa.

JK Audit

Satu siri audit telah dijalankan seperti berikut:

Tarikh	Audit	Markah (%)
Audit Dalaman siri 1/2016	17 Mac 2016	86.42
Audit Susulan	18 Mac 2016	Tiada
Audit IPKKM Siri 1/2016	21 Mac 2016	94.28

Bagi Audit EKSA dari pihak MAMPU dan Audit IPKKM Siri 2 2016, pihak BPTK telah mendapat pengecualian daripada menyertai aktiviti audit memandangkan bahagian ini baru sahaja mengalami penstrukturan semula dan pengemaskinian bahagian masih belum selesai.

Selain itu, satu Gotong-Royong Mega EKSA telah dijalankan seperti berikut:

Tarikh : 4 Mac 2016
Masa : 10 Pagi sehingga selesai
Lokasi : BPTK

Tujuan aktiviti ini dijalankan adalah untuk memastikan tempat kerja mengikut kriteria amalan EKSA. Aktiviti ini juga memupuk semangat kerjasama antara warga kerja BPTK.

SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) BPTK

Piawaian ISO adalah diperlukan untuk menghasilkan keseragaman dan kesetaraan keluaran dan perkhidmatan yang lebih cekap, berkesan, selamat, bersih dan berkualiti.

Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK) mendapat pensijilan ISO pada tahun 2008. Skop Pengurusan kualiti BPTK kemudian diubahsuai pada tahun 2014 selaras dengan penstrukturan semula BPTK pada tahun 2013. Skop pendaftaran pelaksanaan SPK BPTK merangkumi proses perancangan, pembangunan, perkembangan dan pengawalseliaan perkhidmatan PT&K di Malaysia serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Aktiviti-aktiviti SPK BPTK

Beberapa siri audit telah dijalankan pada awal tahun 2016 untuk memastikan organisasi adalah patuh kepada SPK yang telah ditentukan:

27 Jan – 3 Feb 2016 Audit Dalaman Bil 01/2016
17-19 Feb 2016 Audit Susulan bagi Audit Dalaman Bil.01/2016
19 Apr 2016 Audit Pengawasan (*Surveillance Audit*) oleh INTERTEK

Selain itu, beberapa sesi latihan juga dikendalikan dari semasa ke semasa untuk memastikan semua anggota BPTK adalah kompeten dalam pelaksanaan ISO dalam organisasi ini. Sesi latihan yang telah dijalankan setakat kini adalah:

- Latihan kesedaran MS ISO 9001:2015 pada 30 Nov – 1 Dis 2015
- Bengkel fail meja pada 22-23 Ogos 2016

Aktiviti promosi ISO juga dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk mengingatkan anggota BPTK supaya sentiasa memastikan hasil kerja adalah berkualiti berpandukan proses kerja yang telah disediakan.

Kesimpulan

Hasil Audit Pengawasan oleh INTERTEK pada 19 April 2016 telah mendapati BPTK adalah mematuhi SPK BPTK yang telah ditetapkan. Pensijilan yang seterusnya adalah dijadualkan selewat-lewatnya pada April 2017, iaitu sebelum tamat tempoh sijil ISO BPTK sesi 2016/2017.

Pada waktu yang sama, BPTK juga dalam persediaan proses peralihan dari MS ISO 9001:2008 ke arah MS ISO 9001:2015. Kerjasama daripada semua anggota BPTK adalah amat diperlukan untuk menjayakannya.

LAPORAN BIRO KEBAJIKAN DAN SOSIAL BPTK 2016

Disediakan oleh: Dr. Sharifah Firyelhana binti Syed Abdul Rahman

Ahli Jawatankuasa Sesi 2016-2017

Pengerusi : Dr. Sharifah Firyelhana binti Syed Abdul Rahman

Timb. Pengerusi : Dr. Nur Khairiyah Shazwani (sehingga Jun 2016)
Dr. Adilla Nur binti Halim (dari Julai 2016)

Bendahari : Pn. Lydiawati Arzeni

Juruaudit : Pn. Siti Hajar Mhd Yusof
Pn. Norsalfarina Ariffin

Berikut merupakan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2016: -

Bil.	Aktiviti	Tarikh
1.	Sambutan Tahun Baru Cina dan Awal Tahun	11 Mac 2016
2.	Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2016	22 Julai 2016
3.	Jamuan Akhir Tahun, Deepavali dan Krismas	16 Disember 2016

Beberapa sumbangan telah diberikan bertujuan untuk kebajikan ahli serta mengeratkan hubungan di kalangan warga BPTK. Diantara sumbangan yang telah disampaikan adalah:

- Sempena ulang tahun kelahiran
- Sempena kelahiran bayi pertama di BPTK
- Sempena upacara perkahwinan
- Sempena upacara kematian waris terdekat



Majlis Sambutan Tahun Baru Cina 2016



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2016



Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Staf BPTK

LAPORAN AKTIVITI JAWATANKUASA KUMPULAN KREATIVITI & INOVASI (JKKIK)

Disediakan oleh: Dr. Muhammad Zubair bin Zain AL-aabideen

Budaya berkualiti sememangnya telah menjadi amalan anggota BPTK dalam mencapai kecemerlangan organisasi. Perkara ini telah mendorong JKKIK menganjurkan 3 sesi “Anugerah Pekerja Terbaik Warga BPTK 2016” bagi menyuburkan nilai-nilai murni dikalangan anggota supaya kewujudan budaya ini dapat berkekalan. Penganugerahan ini adalah berdasarkan undian popular dan dibahagikan kepada 3 kategori iaitu anugerah pekerja paling ceria, pekerja paling menepati masa dan pekerja berpakaian paling beretika. Berikut adalah pemenang-pemenang Anugerah tersebut.

Pada 30 dan 31 Mei 2016, Bahagian Khidmat Pengurusan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengadakan bengkel bertajuk Bengkel Inovasi Melalui Strategi Lautan Biru (BOS) yang bertempat di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. Kursus seperti ini memberi peluang kepada wakil JKKIK mendapat pendedahan dan pemahaman terhadap Strategi Lautan Biru (BOS) dan kepentingan perlindungan harta intelek.

Untuk makluman, Taman Herba BPTK telah diwujudkan sejak tahun 2006. Sehingga kini Jawatankuasa KIK BPTK adalah dipertanggungjawabkan untuk menyelia setiap perkara yang berkaitan dengan taman herba tersebut. Pokok awal yang ditanam adalah pokok Tongkat Ali (*Eurycoma Longifolia*) daripada keluarga Simarubaceae. Terdapat juga pokok-pokok renek dalam pelbagai kategori yang telah ditanam.

Landskap taman herba kini mendapat nafas baru hasil daripada perancangan, penambahbaikan, penyusunan semula dan penyelenggaraan berkala melalui aktiviti gotong – royong yang dilaksanakan setiap 2x sebulan. Selain itu usaha pelabelan semula nama-nama pokok sedia ada dan pokok-pokok baru dilihat merupakan satu usaha dalam mewujudkan landskap yang menarik dan berinformasi.

Taman Herba ini merupakan salah satu aset yang bernilai sebagai warisan kepada generasi seterusnya kelak. Kewujudan taman herba ini juga dapat meningkatkan pengetahuan tentang tanaman herba dan kegunaannya yang semakin dilupakan oleh masyarakat moden dewasa ini.



Antara pemenang Anugerah Pekerja Terbaik Warga BPTK 2016



Taman Herba BPTK

Pemenang Anugerah Pekerja Cemerlang BPTK Bil.1/2016



NG ANGELINE
Pekerja paling ceria



HALIMAH BT ZAHARUDIN
Pekerja paling menepati masa



**DR. TAJUL IQMAL
BIN TAJUL ARUS**
Pekerja berpakaian paling beretika

Pemenang Anugerah Pekerja Cemerlang BPTK Bil.2/2016



**AZIMAN B. ABDUL
RAHMAN**
Pekerja paling ceria



**DR. ADILLA NUR
BINTI HALIM**
Pekerja paling menepati masa



**ANIS ROMIZA BT.
SULAIMAN**
Pekerja berpakaian paling beretika

SWEAT WEDNESDAY

Disediakan oleh: Dr Ali Noor bin Hassan

Tarikh : 2 minggu sekali

Masa : 4.00 petang hingga 4.30 petang

Lokasi : Bilik Jamuan Aras 2 Blok C, Majlis Perubatan Malaysia, Jalan Cenderasari

Sweat Wednesday adalah aktiviti senaman secara berkumpulan yang diadakan setiap 2 minggu. Acara ini pada mulanya tidak dapat disertai oleh kakitangan KKM di Jalan Cenderasari kerana diadakan di Ibu pejabat KKM di Putrajaya.

Walaupun bagaimanapun, hasil perbincangan dengan pihak ibu pejabat KKM semasa mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ), Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Jalan Cenderasari telah bersetuju untuk menghantar wakil dari Jalan Cenderasari untuk menjalani latihan sebagai fitness instructor yang dikelolakan oleh Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM Putrajaya. Dengan ini, aktiviti sweat wednesday dapat dijalankan di Jalan Cenderasari sebagaimana yang dijalankan di ibu pejabat di Putrajaya.

Objektif program ini adalah untuk menggalakkan warga KKM mengamalkan gaya hidup sihat dengan membanyakkan aktiviti fizikal yang menyihatkan dan seterusnya mencapai visi KKM iaitu menggemblang tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik.

Sesi pertama telah diadakan pada awal tahun ini dan sehingga kini telah diadakan setiap 2 minggu melibatkan penyertaan yang menggalakkan dari Bahagian Pembangunan Kompetensi, Majlis Perubatan Malaysia (MMC) dan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK). Pada masa-masa akan datang pihak JKPP berhasrat agar lebih ramai kakitangan dapat dilatih untuk menjadi fitness instructor aktiviti kecergasan. Program ini juga diharapkan agar dapat dijalankan di persekitaran yang lebih luas dan terbuka agar lebih menarik dan mampu melibatkan lebih ramai peserta.



Peserta melakukan stretching sebelum melakukan senaman

HARI SARINGAN KESIHATAN JALAN CENDERASARI

Disediakan oleh: Dr Ali Noor bin Hassan

Tarikh : 28 ogos – 1 Julai 2016

Masa : 9.00 pagi – 4.00 petang

Lokasi : Bilik Mesyuarat, Blok B, Majlis Perubatan Malaysia (MMC)

Aktiviti Saringan Kesihatan adalah salah satu aktiviti yang menjadi kemestian dalam Program Warga Aktif Warga Produktif (WAWP) sejak dilancarkan oleh YB Menteri Kesihatan pada tahun 2014.

Bermula dari tahun 2015, Program WAWP yang diletakkan di bawah Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah menjalan ujian saringan kesihatan sebagai satu acara tetap. Tujuan aktiviti ini adalah untuk membuat saringan penyakit non communicable disease (NCD) seperti Kencing Manis dan Darah Tinggi di kalangan waraga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur.

Penyertaan melibatkan 3 bahagian KKM di Jalan Cenderasari iaitu Bahagian Pembangunan Kompetensi, Majlis Perubatan Malaysia dan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari. Untuk tahun ini, JKPP telah mendapatkan kerjasama dari Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan (JKWP) di mana saringan ini telah dilakukan oleh pegawai perubatan dan paramedik dari JKWP.

Saringan telah dilakukan dengan mengambil paras gula dalam darah, paras kolesterol, tekanan darah, berat dan tinggi untuk pengiraan body mass index (BMI). Penyertaan dari warga KKM Jalan Cenderasari sangat menggalakkan. Kakitangan yang berisiko untuk mendapat penyakit NCD telah diberikan khidmat kaunseling kesihatan oleh pegawai perubatan yang hadir dan ada di antaranya yang telah dirujuk ke Klinik Kesihatan Tanglin Jalan Cenderasari untuk rawatan susulan.



Pengambilan paras gula dalam darah oleh Jururawat Terlatih

Kakitangan yang telah menjalani saringan kesihatan menerima khidmat kaunseling berkenaan penyakit NCD dari pegawai



Pencarian Perkataan BPTK 2016

W	F	K	D	S	R	U	Q	A	S	E	G	A	X	P	B	K	F	P	Q	Y	Y	N	Q	P
F	F	I	F	M	A	K	E	B	F	N	R	D	K	E	Y	L	C	L	O	V	R	A	D	L
B	F	T	W	S	A	F	I	A	E	A	T	V	P	N	O	J	X	S	H	F	M	W	Q	A
S	K	K	J	E	R	A	J	T	H	R	B	B	Q	G	U	R	U	T	M	E	L	A	Y	U
E	L	A	S	N	K	S	J	D	O	B	A	Q	G	U	P	V	F	B	Z	K	J	B	V	M
I	P	R	W	P	X	N	O	N	T	H	G	E	L	B	M	E	O	I	Z	I	L	Z	O	B
X	Q	P	K	F	S	R	E	N	D	N	C	U	I	A	B	E	Q	X	C	A	Q	O	Q	H
K	Q	O	Q	X	I	X	N	X	K	V	M	X	Z	T	N	K	F	M	F	F	I	Z	Q	L
L	L	R	Z	H	K	B	O	B	C	H	Y	V	J	A	D	O	T	N	X	T	P	J	U	A
D	K	I	S	C	G	C	A	F	L	F	O	A	X	N	L	K	I	I	T	O	C	E	P	Y
F	W	K	T	I	Z	D	T	K	T	E	X	I	I	I	N	P	G	S	O	Z	C	C	C	U
L	S	O	C	O	H	R	T	V	X	N	E	C	B	S	E	D	L	V	I	C	U	H	I	R
E	R	A	C	L	A	T	A	N	T	S	O	P	Z	L	H	J	L	Y	X	D	K	B	A	V
B	A	G	U	I	U	G	P	V	Z	M	Y	Y	U	A	G	W	F	B	T	V	A	C	C	E
M	E	K	R	T	R	M	H	S	P	P	K	X	X	M	H	Y	T	J	A	P	E	R	Z	D
Q	I	P	U	H	I	F	D	L	X	L	B	K	B	H	W	F	X	D	J	Z	G	L	T	A
R	K	D	E	P	V	Q	E	L	M	I	R	Z	Y	W	O	G	X	C	V	T	V	K	Y	L
W	E	R	K	E	U	M	R	E	F	E	M	Q	Q	C	K	V	A	B	D	T	E	E	P	K
P	B	Z	B	P	E	N	L	M	Q	Y	I	G	Q	H	K	U	P	Z	E	H	C	U	V	H
A	L	X	J	N	C	W	T	F	W	Y	S	R	S	U	F	I	O	C	Z	C	C	B	P	F
J	X	I	T	N	E	P	I	U	N	R	U	U	D	P	U	W	F	E	C	A	S	U	Z	N
X	N	A	K	O	X	F	E	W	R	K	R	G	P	V	B	L	G	H	P	J	F	N	O	K
F	R	G	N	J	D	O	S	V	D	U	S	F	Z	K	N	X	Q	L	S	Q	Z	Y	T	C
I	B	R	Y	U	I	D	F	H	D	Y	I	O	S	G	K	O	F	N	P	F	X	P	Z	N
Z	W	W	V	E	X	E	U	Y	E	F	W	T	Y	L	R	T	S	Z	M	L	T	V	N	X

AKUPUNTUR
AYURVEDA
BEKAM
COMPLEMENTARI
HERBA
KIROPRAKTIK
PENGUBATANISLAM
POSTNATALCARE
SHIRODHARA
TRADISIONAL
URUTMELAYU


PEMANTAUAN PREMIS DAN PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI DI SABAH

Disediakan Oleh: Ho Ching Ching

Tarikh: 2016

Lokasi: Sabah


Pemantauan premis dan pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) merupakan salah satu aktiviti utama CPTK Sabah. Objektif aktiviti tersebut adalah untuk memantau kesediaan pengamal PT&K terhadap penguatkuasaan Akta 775 sementara memantau kebersihan dan keselamatan amalan PT&K yang diamalkan di Sabah.



Lima Wilayah Utama Negeri Sabah

Sabah dibahagikan kepada lima wilayah utama seperti dalam Rajah 1, iaitu Kudat, Pantai Barat Sabah, Pedalaman Sabah, Tawau dan Sandakan. Pada tahun 2016, CPTK Sabah telah melawat ke Kota Marudu, Kota Kinabalu, Penampang, Putatan, Papar, Beaufort, Sipitang, Tawau, Kunak, Lahad Datu, dan Sandakan.

Sepanjang penjelajahan tersebut, CPTK Sabah telah melawat sebanyak 55 premis PT&K dan memantau 70 orang pengamal. Majoriti pengamal PT&K di Sabah mengamalkan amalan perubatan komplementari seperti urutan dan refleksologi. Sebahagian kecil mengamalkan amalan kiropraktik. Kategori amalan PT&K kedua terbesar yang ditemui adalah perubatan tradisional Cina, diikuti dengan perubatan tradisional Melayu ataupun Pribumi, pengubatan Islam, dan homeopati.



Statistik Lawatan Premis dan Pemantauan Pengamal PT&K

Daripada keseluruhan 70 orang pengamal PT&K yang ditemubual, terdapat 47 orang (67%) memahami keperluan Akta 775. Majoriti mereka, iaitu seramai 60 orang (86%) adalah patuh kepada peraturan pengiklanan. Bagi kesalahan yang ditemui, pegawai kami telah memberikan teguran supaya

memperbetulkan kesalahan dan lawatan susulan akan dijalankan. Selain itu, antara 70 orang yang ditemubual, hanya 9 orang (13%) mempunyai sijil kemahiran dan telah berdaftar dengan Badan Pengamal sebelum Akta 775 berkuatkuasa. Dengan itu, para pengamal dinasihati supaya berusaha memperoleh sijil kemahiran daripada agensi yang diiktiraf supaya dapat memohon untuk didaftarkan dengan Majlis PT&K kelak.

Demi meningkatkan lagi pengetahuan dan kesediaan para pengamal terhadap penguatkuasaan Akta 775, pegawai CPTK Sabah telah memberikan penjelasan lanjut kepada para pengamal dan pengusaha premis PT&K. Usaha tersebut akan dijalankan secara berterusan agar orang ramai sedar akan tanggungjawab masing-masing dan keperluan undang-undang semasa.

PROMOSI CPTK BERORIENTASIKAN PENGGUNA DI SABAH

Disediakan Oleh: Dr Abd Manaf Ali

Tarikh: 2016

Lokasi: Sabah

Sejak awal tahun ini, Cawangan Perubatan Tradisional dan Komplementari Sabah telah menganjurkan beberapa siri pameran dan aktiviti CME di kawasan Pantai Barat Sabah, Pedalaman Bawah Sabah, Lahad Datu dan Kunak.

Siri pameran dan CME pada tahun ini adalah unik berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini kerana kumpulan sasaran kali ini adalah para pesakit dan pelawat yang datang ke klinik-klinik kesihatan dan hospital yang terbabit.

Penjelasan berkenaan modaliti rawatan, indikasi berserta kaedah untuk mendapatkan rawatan perubatan tradisional dan komplementari yang terdapat di dua buah hospital integrasi di Sabah telah disampaikan dengan baik.

Para pelawat juga telah dapat berinteraksi dan bertanya secara terus dengan pihak CPTK untuk sebarang kemusykilan di samping mendapat saguhati melalui aktiviti kuiz yang diadakan.

Pihak CPTK Sabah juga telah dapat berhubung secara langsung dengan kakitangan klinik-klinik kesihatan dan hospital sewaktu pameran diadakan di premis mereka. Penerangan lanjut berserta risalah-risalah berkenaan modaliti rawatan perubatan tradisional dan komplementari, indikasi dan kaedah untuk membuat rujukan telah dhuraikan kepada para pegawai perubatan yang bertugas.

Sambutan yang amat menggalakkan telah diberikan oleh para pesakit dan pengunjung pameran dengan dorongan untuk memperbanyakkan lagi aktiviti seumpama ini pada masa akan datang.

Untuk tahun 2017, aktiviti yang sama telah dirancang untuk meliputi klinik-klinik kesihatan dan hospital di sebelah Pantai Barat Utara, Sandakan dan Pedalaman Atas Negeri Sabah.



Pameran CPTK di Hospital Sipitang dihadiri para pesakit, pelawat dan kakitangan hospital

Bil.	Pusat pemeran	Tarikh	Aktiviti
1.	Klinik Kesihatan Luyang	21/4/2016	Pameran PT&K dan CME
2.	Klinik Kesihatan Telipok	26/4/2016	Pameran PT&K
3.	Klinik Kesihatan Inanam	28/4/2016	Pameran PT&K
4.	Klinik Kesihatan Kinarut	1/6/2016	Pameran PT&K
5.	Hospital Daerah Papar	8/6/2016	Pameran PT&K dan CME
6.	Klinik Kesihatan Likas	9/6/2016	Pameran PT&K
7.	Hospital Kunak	27/7/2016	Pameran PT&K dan CME
8.	Hospital Lahad Datu	28/7/2016	Pameran PT&K dan CME
9.	Klinik Kesihatan Bongawan	26/9/2016	Pameran PT&K
10.	Klinik Kesihatan Membakut	27/9/2016	Pameran PT&K
11.	Hospital Sipitang	28/9/2016	Pameran PT&K
12.	Klinik Kesihatan Sindumin	29/9/2016	Pameran PT&K

Senarai klinik-klinik/Hospital yang telah dilawati



CME yang diadakan di Hospital Kunak



Sesi uji pengetahuan dipersembahkan dalam bentuk yang menarik dan interaktif kepada pelawat di Klinik Kesihatan Kinarut



Sesi Penerangan kepada para pesakit dan pelawat di Klinik Kesihatan Membakut

AKTIVITI- AKTIVITI PEJABAT CAWANGAN SARAWAK

CERAMAH DAN PAMERAN PT&K DI PUSAT GIATMARA SANTUBONG

Author: Dr Mohamad Yusfadzry bin Yusuf

Tarikh: 7 Januari 2016

Lokasi: Pusat GIATMARA Santubong, Kuching

Satu sesi ceramah dan pameran perubatan tradisional dan komplementari telah dianjurkan oleh pejabat cawangan. Program yang dianjurkan ini adalah jemputan daripada pihak GIATMARA Santubong bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada pelatih-pelatih GIATMARA mengenai perubatan tradisional dan komplementari dan bagi memberikan panduan yang lebih jelas dan betul sekiranya ingin mendapatkan rawatan perubatan tradisional dan komplementari. Dihadiri oleh seramai 60 orang peserta termasuk tenaga pengajar GIATMARA. Maklum balas yang diterima amat menggalakan dan perancangan untuk mengadakan program seumpama ini di cawangan GIATMARA yang lain.



CERAMAH, PAMERAN PT&K DAN SESI DEMONSTRASI URUT & AKUPUNTUR – TABUNG BAITULMAL MAJLIS ISLAM SARAWAK

Author: Dr Mohamad Yusfadzry bin Yusuf

Tarikh: 19 Februari 2016

Lokasi: Tabung Baitulmal Majlis Islam Sarawak, Kuching

Satu program telah diadakan oleh pejabat cawangan dengan kerjasama Unit Perubatan Tradisional Dan komplementari Hospital Umum Sarawak. Program ini bertujuan untuk memperkenalkan Bahagian Perubatan Tradisional Dan Komplementari (BPTK) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan seterusnya memperkenalkan pejabat Cawangan Perubatan Tradisional dan komplementari CPTK) Sarawak, Unit Perubatan Tradisional Dan komplementari Hospital Umum Sarawak dan perkhidmatan yang disediakan. Pengisian program terdiri daripada satu sesi ceramah bertajuk “Perkembangan Perubatan Tradisional Dan Komplementari Di Malaysia” dan satu taklimat berkaitan Unit Perubatan Tradisional Dan komplementari Hospital Umum Sarawak. Pameran PT&K dijalankan serentak di lokasi ceramah diadakan bagi para peserta yang hadir dan pada penghujung sesi program ini, sesi demonstrasi urut dan akupunktur oleh pengamal-pengamal daripada Unit PT&K Hospital Umum Sarawak khusus bagi peserta yang mengalami masalah dan memerlukan rujukan bagi meneruskan rawatan di unit. Program yang telah dihadiri oleh 40 orang peserta ini mendapat sambutan yang amat baik dan banyak rujukan pesakit diterima untuk meneruskan rawatan di Unit PT&k Hospital Umum Sarawak. Respons diterima kebanyakan menyokong perkhidmatan seumpama ini bagi mengurangkan kebergantungan terhadap ubat-ubat penahan sakit dan para peserta berharap lebih banyak promosi seumpama ini diadakan kepada orang awam.



Peserta Taklimat berkaitan Unit PT&K disampaikan oleh SN Christina



Peserta yang hadir di Tabung Baitulmal Majlis Islam Sarawak



Demonstrasi urut sedang dijalankan bersama peserta program



Sesi demonstrasi akupunktur

PAMERAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLIMENTARI BERSEMPENA MINGGU INOVASI PERINGKAT NEGERI SARAWAK 2016

Author: Dr Mohamad Yusfadzry Bin Yusuf

Tarikh: 15-16 Oktober 2016

Lokasi: CityONE Megamall, Kuching

Bersempena Minggu Inovasi Peringkat Negeri Sarawak 2016, pejabat cawangan dan Unit PT&K Hospital Umum Sarawak telah dijemput sekali lagi untuk menyertai pameran yang telah diadakan di pusat membeli belah CityONE Megamall, Kuching. Program yang diselenggarakan oleh Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri (SIMU) Jabatan Ketua Menteri Sarawak ini disertai oleh jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat dalam pertandingan inovasi peringkat negeri Sarawak dan juga menyediakan pameran daripada agensi-agensi kerajaan kepada orang awam. Sambutan yang amat mengalakkan diterima daripada orang awam yang berkunjung ke pameran Perubatan Tradisional Dan Komplementari. Selain daripada mengetahui perkhidmatan PT&K yang disediakan oleh Unit PT&K Hospital Umum Sarawak, pengunjung yang hadir kebanyakannya juga ingin mengetahui panduan yang betul dan selamat untuk mendapatkan perkhidmatan PT&K serta mengenalpasti pengamal-pengamal PT&K yang bertauliah dan berdaftar. Sepanjang pameran dijalankan, banyak rujukan pesakit diterima untuk meneruskan rawatan di Unit Perubatan Tradisional Dan komplementari di Hospital Umum Sarawak.



Pengunjung Lawatan ke Pameran PT&K oleh Y.Bhg Datu Dr Sabariah Putit, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak



Pengunjung yang hadir ke Pameran PT&K di CityONE Megamall, Kuching

PEJABAT CAWANGAN PERUBATAN TRADISIONAL & KOMPLEMENTARI ZON SELATAN (JOHOR)

KURSUS KAWALAN INFEKSI ZON SELATAN

Disediakan oleh: Khor Yong Xin

Tarikh & tempat: 21 Januari 2016 (Khamis) - Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru (Bilangan 1)

15 Mei 2016 (Ahad) - IKWAS, Kluang (Bilangan 2)

22 Mei 2016 (Ahad) - Auditorium Institut Latihan Perindustrian (ILP), Bukit Katil, Melaka (Bilangan 3)

Masa : 8.00 pagi hingga 4.30 petang

Seramai 20 kakitangan dari Unit PT&K Hospital Sultan Ismail dan Klinik Kesihatan Masai telah menghadiri Kursus Kawalan Infeksi Bilangan 1 manakala 96 dan 170 peserta pengamal dari 8 Badan Pengamal telah menghadiri Kursus Kawalan Infeksi Bilangan 2 & 3.

Tujuan Kursus Bilangan 1: Meningkatkan pengetahuan dan tanggungjawab semua kakitangan Unit PT&K dalam menjalankan amalan standard precaution.

Tujuan Kursus Bilangan 2 & 3: Membincangkan kewajipan Pengamal Berdaftar menjalankan amalan yang selamat dan bersih di premis PT&K.

Dalam kursus Bilangan 1, kakitangan Unit PT&K telah berinteraksi dengan Unit Kawalan Infeksi Hospital Sultan Ismail untuk memperkukuhkan lagi pelaksanaan aktiviti kawalan infeksi di Unit.

Dalam kursus Bilangan 2, topik "Kesihatan Pekerjaan dan Kebersihan Premis" dan "What are the risks?" telah diberikan kepada pengamal-pengamal negeri Johor untuk melaksanakan kewajipan Pengamal Berdaftar.

Melalui kursus Bilangan 3, selain prinsip asas kawalan infeksi dan pengurusan sisa klinikal, pengamal-pengamal negeri Melaka telah mempelajari tentang kepentingan rekod perubatan pesakit dari aspek medico legal dan health financing.

Secara keseluruhan, maklumbalas yang diterima dari para peserta amat menggalakkan kerana aktiviti seumpama ini dilihat dapat memberikan ilmu yang relevant dalam amalan yang selamat dan bersih untuk menjamin keselamatan pelanggan.



Demonstrasi Pemakaian PPE



Peserta Didedahkan Kepada Kepatuhan
Audit Kawalan Jangkitan

KURSUS RESCUE DAN JATI DIRI CAWANGAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI ZON SELATAN

Disediakan oleh: Khor Yong Xin

Tarikh : 29 September 2016 – 1 Oktober 2016

Tempat: Kompleks Rakan Muda Jempol

Seramai 26 orang staff dari cawangan dan unit-unit PT&K Zon Selatan telah menghadiri kursus tersebut. Pada hari pertama, Dr. Thinagaraj dan pasukannya dari Jabatan Kecemasan & Trauma, Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah telah mengendalikan kursus Basic Life Support dan First Responder Emergency First Aid at Work supaya peserta berkeyakinan memberikan pertolongan cemas. 13 orang peserta telah lulus dalam sesi amali dan ujian bertulis untuk persijilan Basic Life Support.

Pada hari kedua dan ketiga, peserta menjalani aktiviti luar seperti jungle trekking, rempuh halangan berlumpur, mandi jeram dan tembok tiruan. Melalui kursus ini, staff-staff dari cawangan dan unit-unit PT&K Zon Selatan dapat merapatkan hubungan kerja berpasukan sesama lain. Secara keseluruhan, maklumbalas dari para peserta amat menggalakkan. Mereka berharap aktiviti seperti ini boleh dianjurkan pada masa akan datang.



Dr Thinagaraj menyampaikan ceramah bertajuk 'Basic Life Support' sebelum ujian amali



Kecergasan peserta diuji dengan memanjat tembok tiruan



Peserta belajar daripada demonstrasi CPR oleh fasilitator Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah

PEMANTAUAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN UNIT PERUBATAN TRADISIONAL & KOMPLEMENTARI (PT&K), HOSPITAL KEPALA BATAS (HKB)

Disediakan oleh: Akmal Hafdzam bin Mohd Radzi

Tarikh : 18/2/2016

Masa : 2:00 petang

Lokasi : Unit PT&K, HKB

Cawangan PT&K, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang telah mengadakan satu pemantauan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Unit PT&K, HKB menggunakan kaedah *Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control* (HIRARC). Pemantauan ini dilakukan untuk memastikan sesuatu tempat kerja adalah selamat menurut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. HIRARC ialah salah satu pendekatan yang sistematik untuk mengenalpasti hazard dan risiko yang berkaitan yang membolehkan sesuatu hazard diukur secara objektif dan memberikan kaedah untuk mengawal sesuatu risiko. Kaedah HIRARC yang digunakan menggunakan Garispanduan HIRARC yang telah diterbitkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) pada 2008.

Tempat kerja yang dipantau termasuklah kaunter khidmat pelanggan, kawasan akupunktur, urut melayu lelaki dan wanita dan farmasi pendispensan herba. HIRARC dilakukan dengan memerhatikan pekerja melakukan tugas kerja tanpa diganggu. Gambar-gambar juga diambil untuk melihat dengan lebih jelas hazard yang mungkin memberikan risiko kepada pekerja.

Hazard yang dikenalpasti kemudiannya disenaraikan dan dianalisa menggunakan *hazard rating*, *exposure rating*, matriks risiko dan pernyataan risiko. Analisa tersebut kemudiannya menyimpulkan bahawa terdapat beberapa tugas kerja yang memerlukan pengawalan risiko dengan segera.



Pemantauan OSH dilakukan di kawasan Urut Melayu



Pemantauan OSH dilakukan di kawasan Akupunktur